MENGKAJI HUBUNGAN ANTARA MINAT, PENGURUSAN MASA, MOTIVASI DAN BANTUAN PENSYARAH TERHADAP PRESTASI KURSUS KEUSAHAWANAN (MPU 12012) DI KALANGAN PELAJAR KEJURUTERAAN ELEKTRIK, KOLEJ KOMUNITI JEMPOL

Mohd Shafie Rahaman*, Rafie Karis , Azamta Karya Zawal Azi Hussin

Kolej Komuniti Jempol, Malaysia
**Emel pengarang pengantara: mpie98@gmail.com*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara minat pelajar, pengurusan masa, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah terhadap tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012) dalam kalangan pelajar Sijil Kejuruteraan Elektrik di Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan. Kursus ini merupakan salah satu subjek penting yang merangkumi elemen teori dan praktikal yang memerlukan pelajar memahami konsep dengan baik untuk diaplikasikan dalam 4 tugasan. Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus tersebut pada sesi II:202/2025. Seramai 40 orang responden telah memberikan maklum balas. Empat pembolehubah bebas yang dikaji ialah minat pelajar, pengurusan masa, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah, manakala pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan dijadikan pembolehubah bersandar. Hasil dapatan menunjukkan semua pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan secara positif terhadap tahap pencapaian pelajar, dengan faktor minat pelajar menjadi penyumbang utama. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai minat mendalam terhadap subjek lebih berpotensi untuk mencapai kecemerlangan. Selain itu, hasil kajian memberikan petunjuk kepada pensyarah untuk memberi perhatian terhadap aspek minat, motivasi, pengurusan masa dan sokongan pengajaran yang berkesan dalam usaha meningkatkan prestasi pelajar. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan berguna kepada pensyarah dan pihak pentadbiran institusi pendidikan dalam merangka strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih holistik dan efektif.

***Kata kunci*:** Tahap pencapaian pelajar, kursus Keusahawanan, minat pelajar, pengurusan masa, motivasi, bantuan pensyarah, Kolej Komuniti Jempol.

1.0 Pengenalan

Pendidikan merupakan teras pembangunan modal insan dan menjadi pemacu utama kemajuan negara. Sistem pendidikan yang inklusif dan berkualiti berupaya melahirkan masyarakat berpengetahuan, berkemahiran serta kompetitif dalam menghadapi cabaran global. Dalam konteks Malaysia, agenda Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) menjadi fokus kerajaan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, seterusnya menyokong aspirasi pembangunan ekonomi negara. Kolej Komuniti sebagai salah satu institusi TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan yang berteraskan kemahiran dan nilai keusahawanan, bagi memastikan pelajar bukan sahaja memiliki pengetahuan teknikal, tetapi juga mampu bersaing dalam pasaran kerja yang semakin dinamik (Zakaria & Aisyah, 2017).

Seiring dengan transformasi pendidikan abad ke-21, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi aspek kritikal. Kursus Keusahawanan (MPU12012) misalnya, merupakan kursus wajib yang bukan sahaja memberi pendedahan kepada konsep perniagaan, tetapi juga mengasah kemahiran praktikal pelajar melalui tugasan dan projek. Kursus ini menuntut pelajar untuk memahami teori dengan mendalam serta mengaplikasikannya secara sistematik dalam bentuk tugasan individu dan kumpulan. Walau bagaimanapun, pencapaian pelajar dalam kursus keusahawanan sering kali dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran yang memerlukan perhatian serius.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa minat pelajar merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi penglibatan dan prestasi mereka. Pelajar yang mempunyai minat mendalam terhadap sesuatu subjek cenderung untuk lebih berdisiplin, fokus, dan komited dalam pembelajaran (Hasanah et al., 2021). Di samping itu, kemahiran pengurusan masa yang baik membantu pelajar menyusun tugasan dengan lebih terancang dan mengelakkan tekanan menjelang peperiksaan atau tarikh akhir (Shamsul et al., 2021). Faktor lain yang turut signifikan ialah motivasi pelajar, sama ada bersifat intrinsik atau ekstrinsik. Motivasi yang tinggi membolehkan pelajar mengekalkan momentum pembelajaran walaupun berdepan cabaran (Zaini et al., 2020). Sementara itu, sokongan pensyarah dalam bentuk bimbingan, maklum balas, serta kaedah PdP yang bersesuaian turut memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik (Harun & Halim, 2021).

Namun, realiti di lapangan menunjukkan masih terdapat pelajar yang berdepan kesukaran untuk mencapai tahap pencapaian cemerlang dalam kursus Keusahawanan. Sebahagian pelajar gagal menguasai konsep asas kerana kurang minat, kelemahan dalam mengurus masa, serta motivasi yang tidak konsisten. Selain itu, peranan pensyarah yang berbeza-beza dari segi pendekatan PdP turut memberi kesan kepada prestasi pelajar (Yahya & Suzanawaty, 2014). Jurang ini menuntut satu kajian empirikal untuk menilai secara menyeluruh bagaimana keempat-empat faktor ini – minat, pengurusan masa, motivasi, dan sokongan pensyarah – mempengaruhi prestasi akademik pelajar dalam kursus Keusahawanan.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini dirangka untuk menilai hubungan antara faktor minat pelajar, pengurusan masa, motivasi, dan sokongan pensyarah terhadap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012) di Kolej

Komuniti Jempol. Kajian ini bukan sahaja menjawab jurang yang wujud dalam literatur, tetapi juga memberikan gambaran praktikal kepada pensyarah dan pentadbir institusi mengenai faktor yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan PdP.

Secara ringkas, objektif kajian ini adalah: (i) mengenal pasti hubungan antara minat pelajar dan pencapaian kursus Keusahawanan, (ii) menilai kesan pengurusan masa terhadap pencapaian, (iii) mengenal pasti pengaruh motivasi terhadap pencapaian, dan (iv) menilai peranan sokongan pensyarah dalam mempengaruhi pencapaian. Persoalan kajian yang dirumuskan selaras dengan objektif ini akan membimbing penyelidikan ke arah dapatan yang jelas dan relevan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan penting kepada pelbagai pihak. Bagi pensyarah, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam merangka strategi PdP yang lebih berfokus kepada faktor utama pencapaian pelajar. Bagi pentadbir institusi, kajian ini menyediakan asas untuk merancang dasar serta program sokongan akademik yang lebih menyeluruh. Sementara itu, bagi pelajar sendiri, pemahaman terhadap faktor-faktor ini boleh membantu mereka meningkatkan motivasi, mengurus masa dengan lebih baik, serta membina sikap positif untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan kehidupan..

2.0 Pernyataan Masalah

Pencapaian akademik menjadi penanda aras utama kepada keberkesanan PdP dan kejayaan pelajar (Hafizah, 2018). Walaupun kursus Keusahawanan (MPU12012) di Kolej Komuniti Jempol bertujuan membentuk kefahaman teori dan aplikasi praktikal dalam bidang keusahawanan, terdapat pelajar yang masih berdepan cabaran untuk menguasai konsep dan tugasan. Antara puncanya ialah pendekatan PdP yang kurang pelbagai (Yahya & Suzanawaty, 2014), sikap pelajar yang pasif, serta persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif.

Selain itu, faktor dalaman seperti minat yang rendah dan motivasi yang tidak konsisten turut menyumbang kepada prestasi yang lemah (Siti Zeharah et al., 2021). Dari sudut kemahiran, pelajar yang gagal mengurus masa dengan baik cenderung menyiapkan tugasan di saat akhir dan sukar memberi tumpuan (Shamsul et al., 2021). Dalam masa yang sama, tahap bantuan pensyarah yang berbeza-beza juga memberi kesan terhadap pencapaian pelajar, sama ada dalam bentuk bimbingan, maklum balas atau kaedah PdP yang digunakan (Mohamad, 2019).

Jurang kajian yang wujud ialah kurangnya penyelidikan yang menilai secara menyeluruh kesan gabungan faktor minat, pengurusan masa, motivasi dan bantuan pensyarah terhadap prestasi pelajar dalam kursus Keusahawanan di Kolej Komuniti. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan faktor-faktor tersebut dengan pencapaian pelajar, sekali gus memberi gambaran jelas kepada pensyarah tentang aspek yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan kualiti PdP dan prestasi pelajar.

3.0 Kajian Literatur

3.1 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik merujuk kepada penguasaan pelajar terhadap pengetahuan dan kemahiran yang diukur melalui ujian, peperiksaan atau tugasan (Ikhmal et al., 2020). Ia menjadi indikator utama keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta potensi pelajar dalam akademik dan kerjaya. Kajian terdahulu mendapati bahawa pencapaian tinggi biasanya dikaitkan dengan pelajar yang aktif, bermotivasi, dan terlibat secara menyeluruh dalam pembelajaran (Hasanah et al., 2021). Sebaliknya, penglibatan yang rendah boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik. Justeru, memahami faktor yang menyumbang kepada pencapaian pelajar adalah penting bagi pensyarah dan institusi pendidikan dalam merangka strategi PdP yang lebih berkesan.

3.2 Minat Pelajar

Minat pelajar merupakan faktor dalaman yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk belajar. Ia boleh hadir melalui motivasi intrinsik, iaitu dorongan semula jadi kerana kepuasan diri, atau motivasi ekstrinsik seperti ganjaran, pujian, dan gred (Shamsuddin et al., 2020; Kamaruddin & Md Salleh, 2021). Pelajar yang mempunyai minat mendalam cenderung memberi tumpuan lebih baik, konsisten menyiapkan tugasan, dan menunjukkan pencapaian akademik yang lebih tinggi (Hasanah et al., 2021). Dalam persekitaran bilik darjah, strategi PdP yang menggabungkan elemen ganjaran positif, kaedah pengajaran yang pelbagai, serta suasana kondusif mampu meningkatkan minat pelajar. Oleh itu, minat bukan sekadar emosi, tetapi pemangkin kepada keberkesanan pembelajaran dan kejayaan akademik.

3.3 Pengurusan Masa Pelajar

Kemahiran mengurus masa merupakan aspek penting dalam menentukan prestasi pelajar. Pelajar yang mampu merancang jadual belajar, menyiapkan tugasan awal, dan mengelakkan penangguhan lebih cenderung mencapai kecemerlangan akademik (ReTVET, 2023; Shamsul et al., 2021). Sebaliknya, kelemahan mengurus masa sering membawa kepada sikap belajar di saat akhir dan kegagalan menyiapkan tugasan, yang akhirnya menjejaskan prestasi serta keyakinan diri. Kajian menunjukkan bahawa pelajar dengan kemahiran pengurusan masa yang baik bukan sahaja cemerlang secara akademik, malah lebih bersedia menghadapi cabaran kerjaya kerana disiplin dan etika kerja yang terbentuk (Norazlina & Maznah, 2020). Justeru, pengurusan masa perlu diterapkan sejak awal sebagai asas pembentukan profesionalisme pelajar.

3.4 Motivasi Pelajar

Motivasi merupakan elemen penting yang mendorong seseorang individu untuk Motivasi adalah dorongan yang menentukan tahap usaha dan kesungguhan pelajar dalam pembelajaran. Ia boleh bersifat dalaman seperti minat dan kepuasan, atau luaran seperti harapan keluarga, rakan sebaya, serta galakan pensyarah (Zaini et al., 2020; Rohani et al., 2021). Pelajar bermotivasi tinggi biasanya lebih fokus, gigih, dan berstrategi dalam mencapai matlamat, manakala pelajar dengan motivasi rendah cenderung menangguhkan kerja serta sukar mencapai potensi sebenar. Oleh itu, penting bagi pensyarah mengenal pasti bentuk motivasi yang paling berkesan untuk pelajar mereka. Strategi PdP yang sesuai, suasana bilik darjah kondusif, dan sokongan moral mampu meningkatkan tahap motivasi serta seterusnya meningkatkan prestasi pelajar.

3.5 Bantuan pensyarah

Pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan PdP melalui kepakaran pedagogi, bimbingan, dan interaksi positif. Pensyarah berkesan bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga membimbing pelajar dengan teknik pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, maklum balas yang membina, serta kaedah pengajaran yang pelbagai (Mohamad, 2019; Yusoff et al., 2020). Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang merasakan bantuan pensyarah lebih bersemangat, bermotivasi, dan lebih terlibat dalam proses pembelajaran (Harun & Halim, 2021). Oleh itu, bantuan pensyarah tidak hanya memudahkan pemahaman pelajar terhadap kandungan kursus, tetapi turut mempengaruhi pencapaian akademik secara langsung.

3.6 Teori Konstruktivisme

Teori Konstruktivisme yang diasaskan oleh Jean Piaget menekankan bahawa pengetahuan dibina secara aktif oleh pelajar melalui pengalaman dan interaksi, bukan sekadar dipindahkan daripada guru (Seven et al., 2017). Dalam PdP berasaskan konstruktivisme, pensyarah berperanan sebagai fasilitator manakala pelajar bertindak aktif meneroka dan membina kefahaman mereka sendiri. Selain itu, Konstruktivisme Sosial menegaskan bahawa dialog dan kerjasama dengan rakan sebaya serta pensyarah membantu membentuk pengetahuan (Abdullah et al., 2019). Penerapan teori ini dalam kursus seperti Keusahawanan dapat menggalakkan pembelajaran aktif, pemikiran kritis, serta meningkatkan minat dan motivasi pelajar.

4.0 Objektif Kajian dan Persoalan Kajian


4.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana faktor minat pelajar, pengurusan masa, motivasi dan bantuan pensyarah memberi kesan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012). Fokus utama adalah untuk memahami hubungan antara keempat-empat pembolehubah ini dengan prestasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan.

Objektif khusus kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti hubungan antara minat pelajar dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan.
2. Mengenal pasti hubungan antara pengurusan masa pelajar dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan.
3. Mengenal pasti hubungan antara motivasi pelajar dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan.
4. Mengenal pasti hubungan antara bantuan pensyarah dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan.

Gambarajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



4.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan, persoalan kajian ini dirumuskan bagi menjawab hubungan antara faktor-faktor tertentu dengan pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012) seperti berikut:

a. Adakah **minat pelajar** mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan? Mengenal pasti hubungan antara motivasi pelajar dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan.
b. Adakah **pengurusan masa pelajar** memberi kesan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan?
c. Adakah **motivasi** pelajar mempengaruhi tahap pencapaian mereka dalam kursus Keusahawanan?
d. Adakah **bantuan pensyarah** memainkan peranan dalam menentukan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan?

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar dari Semester 1 hingga Semester 3 yang mengikuti Program Sijil Kejuruteraan Elektrik di Kolej Komuniti Jempol, khususnya bagi kursus Keusahawanan (MPU12012). Reka bentuk kajian adalah kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama pengumpulan data. Instrumen tersebut telah diubah suai daripada kajian Normurni Mohamad (2023) agar sesuai dengan konteks serta populasi kajian semasa.

Soal selidik ini mengandungi empat bahagian yang mewakili pembolehubah utama, iaitu minat pelajar, pengurusan masa, motivasi, dan sokongan pensyarah. Setiap pembolehubah diukur melalui sepuluh item, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 40 item. Skala Likert lima mata digunakan bagi setiap item, bermula daripada 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju. Pemilihan skala ini bertujuan memudahkan responden memberi maklum balas secara konsisten serta membolehkan analisis statistik dijalankan dengan lebih berkesan.

Bagi tujuan analisis data, beberapa kaedah statistik telah digunakan. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk meneliti profil responden melalui kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis kebolehpercayaan pula dijalankan untuk menguji ketekalan dalaman instrumen, dengan menggunakan nilai Cronbach's Alpha sebagai penunjuk. Seterusnya, Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara

pembolehubah bebas (minat, pengurusan masa, motivasi, sokongan pensyarah) dengan pembolehubah bersandar (pencapaian pelajar). Akhir sekali, ujian regresi berganda dijalankan untuk menentukan sejauh mana keempat-empat faktor bebas tersebut menyumbang kepada tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan.

Interpretasi skor min bagi setiap item adalah berdasarkan jadual yang dicadangkan oleh Chew dan Zul Hazmi (2018), di mana skor antara 1.00–1.89 ditafsirkan sebagai sangat rendah, 1.90–2.69 sebagai rendah, 2.70–3.49 sebagai sederhana, 3.50–4.29 sebagai tinggi, dan 4.30–5.00 sebagai sangat tinggi. Pendekatan analisis ini membolehkan penyelidik menilai tahap persepsi responden dengan lebih sistematik, selain memastikan dapatan kajian dapat ditafsir secara sah dan boleh dipercayai.Nilai skor purata min dan tafsirannya adalah berdasarkan jadual interpretasi oleh Chew dan Zul Hazmi (2018), yang dirujuk dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor Purata dan Interpretasi Min

Skor Purata Min	**Tafsiran**
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

6.0 Dapatan Kajian

Latar belakang responden kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Dalam usaha memahami profil asas responden, beberapa ciri utama telah dikenal pasti seperti jantina, bangsa, dan program pengajian yang diikuti. Majoriti responden terdiri daripada pelajar lelali iaitu seramai 91.7%, manakala selebihnya adalah pelajar perempuan. Dari segi kaum, 86.1% daripada responden merupakan pelajar berbangsa Melayu, manakala selebihnya terdiri daripada kaum lain seperti India dan Lain-lain. Kesemua responden sedang mengikuti Program Sijil Kejuruteraan Elektrik di Kolej Komuniti Jempol dan terlibat secara langsung dalam kursus Keusahawanan (MPU12012) bagi Sesi II: 2024/2025.

Jadual 2: Profil Responden

Profil Responden (N=72)		
Ciri-ciri	Kekerapan	(%)
Jantina :		
Lelaki	66	91.7%
Perempuan	6	8.3%
Bangsa:		
Melayu	62	86.1%
India	8	11.1%
Cina	0	0%
Lain - lain	2	2.8%

6.1 Analisis Kebolehpercayaan Data

Analisis kebolehpercayaan memainkan peranan penting dalam memastikan kesahan sesuatu data kajian. Dalam kajian ini, dua langkah utama telah dilaksanakan. Pertama, kebolehpercayaan data dinilai bagi menilai ketekalan jawapan responden, dan kedua, menilai kesahan item-item dalam soal selidik. Nilai Cronbach's Alpha digunakan sebagai penunjuk kepada tahap konsistensi dalaman bagi setiap pembolehubah. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua nilai alpha yang diperoleh melebihi 0.8 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Berdasarkan penjelasan Mohd Nasir Rayung (2022), nilai alpha antara 0.50 hingga 0.80 dianggap boleh diterima, manakala nilai yang melebihi 0.80 dikategorikan sebagai sangat baik dan sesuai digunakan untuk kajian sebenar.

Jadual 3: Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Cronbach Alpha	Bilangan Item
Minat Pelajar	0.936	10
Pengurusan Masa	0.961	10
Motivasi	0.968	10
Bantuan pensyarah	0.841	10

6.2 Analisis Korelasi

Jadual 4 menunjukkan analisis Korelasi Pearson antara keempat-empat pembolehubah iaitu motivasi, pengurusan masa, minat pelajar dan bantuan pensyarah dengan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah ini mempunyai hubungan positif yang signifikan ($p < .01$) terhadap pencapaian pelajar. Ini bermaksud, semakin tinggi tahap motivasi, keupayaan pengurusan masa, minat terhadap subjek dan tahap bantuan pensyarah, semakin tinggi juga tahap pencapaian akademik pelajar dalam kursus ini. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Ghazali dan Sufean (2018) yang melaporkan hubungan signifikan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut, dengan kekuatan korelasi antara 0.663 hingga 0.783, menunjukkan kaitan yang kukuh.

Jadual 4: Korelasi Matrik

PU	Korelasi Pearson				
	M	PM	MP	BP	N
Motivasi (M)	1	.792*	.600*	.675*	0.694
Pengurusan Masa (PM)	.792*	1	.800*	.825*	.709
Minat Pelajar (MP)	.600*	.800*	1	.783*	.663
Bantuan pensyarah (BP)	.675*	.825*	.783*	1	.663
Pencapaian Pelajar (N)	.691	.706	.664	.664	1

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

7.0 Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan

7.1 Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat faktor yang dikaji – minat pelajar, pengurusan masa, motivasi, dan sokongan pensyarah – mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012). Keputusan ini selari dengan kajian Ghazali dan Sufean (2018) yang melaporkan hubungan kukuh antara faktor psikososial pelajar dengan prestasi akademik.

Pertama, faktor minat pelajar didapati sebagai penyumbang utama kepada pencapaian akademik. Hal ini membuktikan bahawa pelajar yang benar-benar berminat terhadap subjek lebih konsisten dan berusaha gigih untuk memahami isi kandungan kursus, sebagaimana turut dijelaskan oleh Hasanah et al. (2021). Kedua, pengurusan masa yang baik membantu pelajar merancang tugasan, mengelakkan sikap bertangguh, serta mengurangkan tekanan menjelang peperiksaan. Dapatan ini menyokong pandangan Norazlina dan Maznah (2020) bahawa kemahiran mengurus masa merupakan asas kepada kecemerlangan akademik dan profesionalisme.

Ketiga, motivasi pelajar berperanan penting dalam mengekalkan fokus dan kesungguhan sepanjang proses pembelajaran. Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih gigih menyiapkan tugasan serta mampu mengatasi cabaran. Dapatan ini seiring dengan kajian Rohani et al. (2021) yang menegaskan bahawa motivasi menjadi pemacu utama kepada penglibatan pelajar. Akhir sekali, sokongan pensyarah turut terbukti memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar. Bimbingan, maklum balas, serta kaedah PdP yang bersesuaian mampu meningkatkan keyakinan diri pelajar, selari dengan dapatan Harun dan Halim (2021).

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menekankan bahawa pencapaian akademik tidak hanya dipengaruhi oleh faktor dalaman pelajar, tetapi turut bergantung kepada faktor luaran seperti persekitaran pembelajaran dan interaksi dengan pensyarah.

7.2 Kesimpulan

Kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu meneliti hubungan antara minat, pengurusan masa, motivasi dan sokongan pensyarah dengan prestasi pelajar dalam kursus Keusahawanan (MPU12012) di Kolej Komuniti Jempol. Keempat-empat faktor terbukti mempunyai hubungan positif yang signifikan, dengan minat pelajar dikenal pasti sebagai faktor utama yang paling mempengaruhi pencapaian.

Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran jelas bahawa peningkatan prestasi pelajar tidak boleh bergantung kepada usaha pelajar semata-mata, tetapi memerlukan intervensi yang menyeluruh daripada pensyarah dan institusi. Pemilihan pendekatan PdP yang sesuai serta sokongan berterusan daripada pensyarah merupakan aspek penting untuk memastikan kejayaan akademik pelajar.

7.3 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan:

Bagi Pensyarah:

Memberi perhatian terhadap minat pelajar dengan mengaitkan isi pelajaran kepada situasi sebenar dan contoh praktikal. Menggalakkan penggunaan kaedah PdP yang pelbagai seperti pembelajaran berasaskan projek, perbincangan kumpulan, dan simulasi perniagaan kecil.

Menyediakan bimbingan berterusan serta maklum balas yang membina untuk meningkatkan keyakinan pelajar.

Bagi Pelajar:

Meningkatkan kemahiran pengurusan masa dengan menyusun jadual belajar yang lebih sistematik. Memupuk motivasi dalaman melalui penetapan matlamat peribadi yang jelas dan realistik.

Bagi Institusi:

Menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta kemudahan sokongan akademik. Menganjurkan program peningkatan motivasi dan kemahiran pengurusan masa khusus untuk pelajar baharu.

Melaksanakan latihan pedagogi berterusan kepada pensyarah agar strategi PdP selaras dengan keperluan semasa.

Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti faktor-faktor lain seperti gaya pembelajaran, penggunaan teknologi, serta pengaruh rakan sebaya yang mungkin turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam kursus keusahawanan.

8.0 Rujukan

Abdullah, N., Hashim, A. T., Mansor, R., Noh, N. M., & Reduzan, N. H. (2013, June). Konstruktivisme: Dari Kaca Mata Guru Sains Dan Matematik. In International Conference On Social Science Research, ICSSR 2013 (pp. 4-5).

Azura, H., Nasir, R., Khairudin, R., & Sulaiman, W. S. W. 2015. Perbezaan Kecemerlangan Pelajar Daripada Perspektif Pengurusan Masa, Keputusan Akademik Terdahulu Dan Jantina (Student's Academic Excellence from The Perspectives of Time Management, Past Academic Results and Sex). Jurnal Psikologi Malaysia, 29(1):39-52.

Bakar, Z. A., Kamaruddin, D. T. H. M. I.(2012), Pengaruh Sikap, Minat, Pengajaran Guru, Dan Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Pelajar. Sejarah, 96, 94-9

Carter, E. W., Lane, K. L., Crnobori, M. E., Bruhn, A. L., & Oakes, W. P. (2011). Self-determination interventions for students with and at risk for emotional and behavioral disorders: Mapping the knowledge base. Behavioral Disorders, 36, pp. 100-116

Chew, F.P. & Zul Hazmi Hamad (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui Teknik Penyoalan. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 8(1), 2018, pp. 1-12

Kasim, T. S. A. T., Abdurajak, F. S., Yusoff, Y. M., & Baharuddin, M. (2017). Pendekatan Konstruktivisme di Malaysia dan Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal Terhadap Pengalaman Guru Pendidikan Islam. Journal of Islamic Educational Research, 2(1), 23- 35

Mohamad, N. S. (2019). Penambahbaikan Prestasi Melalui Pemahaman Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Inovasi Dan Amalan Terbaik. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE), 11(1), 73-109.

Mohd Nasir Rayung, Abdul Said Ambotang & Normiati Batjo (2023). Pengaruh Pengetahuan, Aplikasi Pengetahuan dan Keupayaan Imaginasi Terhadap Kemahiran Berfikir Pelajar 1 Pusat Tingkatan Enam, SMK Abaka, Tawau, Sabah.

Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, Nor Kamariah Kamaruddin (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Uthm Kajian Kes di Malaysia 2020 ISBN 978-967-2916-62-8 Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, Malaysia

Nor, E. Z. (2021). Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 di sekolah menegah daerah Bentong, Pahang. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Normurni Mohamad (2023). Penerimaan Pelajar Politeknik Banting Terhadap Penggunaan Google Jamboard Dalam Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam, Engineering And Technology International Journal Maret 2023. DOI: 10.556442

Salwati Binti Mohamed@Awang & Masliza Binti Mat Jusoh. 2017. Pengurusan Masa: Faktor Kemerosotan Pencapaian Pelajar JKE Bagi Kursus Electrical Technology (DET1013). National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17).

Seven, S., Tiryaki, S., & Ceylan, H. (2017). The Effect of the 5E Learning Cycle Model and Cooperative Learning Method in the Constructivist Approach on Academic Success 438 and Students' Attitude towards Subject of "Sound".Journal of Education, Society and Behavioural Science, 1-11.

Siti Zeharah Abd Rahman, Rozita Radhiah Said & Marzni Mohamed (2021). Pengetahuan Bakal Guru BPBM Terhadap Teknik Pengajaran Karangan Jenis Berformat Menengah Atas. Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.

Zakaria, A. & Aisyah, N.A.M.N. 2017. Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) : Kesediaan Guru Vokasional dalam Pelaksanaan Pengajaran Kursus Seni Kulinari Kolej Vokasional. FamilyEdu III(Vol 3, No 2 (2017)): 65–72.